

PM solat Jumaat bersama lebih 3,000 jemaah Masjid An-Naim

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menunaikan solat Jumaat bersama lebih 3,000 jemaah di Masjid An-Naim, Jalan Kebun Barat di Kampung Jalan Kebun, semalam.

Ketibaan beliau disambut Menteri Pertanian Keterjaminan Makanan yang juga Ahli Parlimen Kota Raja, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Kepenggunaan dan Industri Halal merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Kandis, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni.

Sebelum menunaikan solat Jumaat, Perdana Menteri sempat menyantuni jemaah dan pelajar-pelajar dari maahad tahfiz sekitar kawasan tersebut yang tiba lebih awal menunggu ketibaan beliau.

Anwar menunaikan solat Jumaat dipimpin oleh Imam. Muhd. Hafiz Hussain yang turut menyampaikan khutbah bertajuk *Kesucian kalimah Allah yang maha agung* sebelum beliau makan tengah hari bersama ahli jawatankuasa masjid berkenaan.



■ ANWAR Ibrahim menyantuni sebahagian daripada jemaah yang menunaikan solat Jumaat di Masjid An-Naim, Kampung Jalan Kebun, Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF